

**BADIUZZAMAN SAID NURSI (1877-1960 M) DAN
RISĀLAH AL-NŪR: KAJIAN TERHADAP ISU-ISU
PAN-ISLAMISME DAN HUBUNGANNYA
DENGAN IDEA PEMBAHARUAN DALAM
DAKWAH DI TURKI**

MUHAMMAD SUHAIB BIN AHMAD ZAHIR

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2022

**BADIUZZAMAN SAID NURSI (1877-1960 M) DAN
RISĀLAH AL-NŪR: KAJIAN TERHADAP ISU-ISU
PAN-ISLAMISME DAN HUBUNGANNYA
DENGAN IDEA PEMBAHARUAN DALAM
DAKWAH DI TURKI**

oleh

MUHAMMAD SUHAIB BIN AHMAD ZAHIR

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera**

Mac 2022

PENGHARGAAN

Bismillāh (dengan Nama Allah). Penulis memulakan penghargaan dengan kalimah awal segala kebaikan dan permulaan segala urusan penting.

Alhamdulillah, setinggi puji dan syukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia, rahmat dan keizinan-Nya dapat penulis menyelesaikan penyelidikan ini dengan jayanya. Selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad S.A.W., ahli keluarga dan para sahabat baginda serta seluruh orang yang mengikuti jejak langkahnya hingga Hari Kiamat.

Khusus untuk kajian ini, penulis ingin mengambil peluang merakamkan jutaan ucapan terima kasih kepada penyelia yang penuh berinspirasi, Prof. Madya Dr. Mohd Farid Bin Mohd Sharif yang telah banyak membimbing dan membantu dengan memberi tunjuk ajar, nasihat dan dorongan yang berguna dan penuh komited sepanjang tempoh menyiapkan penyelidikan ini. Semoga ikatan guru dan murid ini berpanjangan dan dapat diteruskan dalam meneroka khazanah ilmu yang terbentang luas. Seterusnya, terima kasih para penilai, Prof. Madya Dr. Wan Zailan Kamaruddin Bin Wan Ali sebagai pemeriksa luar dan Prof. Madya Dr. Mohd Nizam Sahad sebagai pemeriksa dalam yang telah memberi pandangan untuk menambahbaik mutu kajian agar lebih bermanfaat.

Terima kasih juga ditujukan kepada semua pensyarah Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (PPIK) Universiti Sains Malaysia (USM), seluruh kakitangan Institut Pengajian Siswazah (IPS) USM, Pulau Pinang, Perpustakaan Hamzah Sendut USM, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan lain-lain perpustakaan awam yang sentiasa

menyantuni penulis sepanjang tempoh penyelidikan ini dihasilkan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Penghargaan dan terima kasih juga khusus kepada bekas pensyarah di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Terengganu iaitu Prof. Madya Dr. Mohamad Zaidin bin Mat@Mohamad dan Prof. Dr. Rahimah binti Embong yang telah memperkenalkan tokoh pemikir Islam abad ke-20 M, Badiuzzaman Said Nursi dalam kamus kehidupan penulis sehingga mendorong untuk mendalami pemikiran tokoh tersebut dengan membuat penyelidikan.

Akhir sekali, ucapan penghargaan dan terima kasih dirakam kepada bonda dan ayahanda tersayang, Nazlina bt Zainal Abidin dan Ahmad Zahir bin Saad serta ahli keluarga yang telah memberikan galakan dan sokongan sepanjang penyelidikan ini dilaksanakan. Seterusnya, buat isteri tercinta, Siti Maisarah binti Mohamad Kamal dan puteraku, Hud Aydin bin Muhammad Suhaib. Kalian semua adalah penyeri dan pembakar semangat untuk meneruskan menimba ilmu yang pastinya tidak terhenti di peringkat ini. Tidak lupa juga kepada kedua ibu bapa mentua yang dikasihi, Mohamad Kamal bin Hashim dan Mariam binti Md. Noordin serta seluruh ahli keluarga yang lain dan rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa memberi sokongan dan dorongan kepada penulis.

Semoga Allah S.W.T. merahmati dan menganjari kebaikan dan kebajikan kalian dengan selayaknya. Sesungguhnya hanya Dia yang Maha Mengetahui segala hasrat hati ini dan hanya Dia yang berhak menganjari kita semua.

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	iv
SENARAI SINGKATAN	viii
PANDUAN TRANSLITERASI	ix
ABSTRAK	x
ABSTRACT	xi
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	4
1.3 Objektif Kajian	22
1.4 Soalan Kajian	22
1.5 Skop Kajian	23
1.6 Kajian Literatur	24
1.6.1 Kajian Tentang Dakwah	24
1.6.2 Kajian Tentang Said Nursi	28
1.6.3 Kajian Tentang Karya <i>Risālah al-Nūr</i>	31
1.7 Metodologi Kajian	34
1.7.1 Metode Pengumpulan Data	35
1.7.2 Metode Analisis Data	35
1.8 Kepentingan Kajian	36
1.9 Definisi Operasional	37
1.9.1 Badiuzzaman Said Nursi dan <i>Risālah al-Nūr</i>	37
1.9.2 Pan-Islamisme	38

1.9.3	Idea Pembaharuan	39
BAB 2 ISU-ISU DAKWAH DALAM PAN-ISLAMISME.....		42
2.1	Pengenalan.....	42
2.2	Latar Belakang dan Perkembangan Pan-Islamisme	42
2.3	Tokoh Utama Pan-Islamisme	47
2.3.1	Jamaluddin al-Afghani	47
2.3.2	Muhammad Abduh	52
2.3.3	Rashid Rida	56
2.4	Isu-Isu Dakwah Pan-Islamisme	59
2.4.1	Pemurnian Tauhid	59
2.4.2	Pemurnian Politik.....	72
2.4.3	Pemurnian Pendidikan	76
2.5	Kesimpulan.....	79
BAB 3 IDEA SAID NURSI DALAM DAKWAH		80
3.1	Pengenalan.....	80
3.2	Latar Belakang Said Nursi.....	81
3.3	Latar Belakang <i>Risālah al-Nūr</i>	86
3.3.1	<i>Al-Kalimāt</i>	92
3.3.2	<i>Al-Makūbāt</i>	93
3.3.3	<i>Al-Lama'āt</i>	93
3.3.4	<i>Al-Shu'ā'āt</i>	93
3.3.5	<i>Ishārat al-I'jāz</i>	94
3.3.6	<i>Al-Mathnawī al-'Arabī al-Nūrī</i>	94
3.3.7	<i>Al-Malāḥiq</i>	95
3.3.8	<i>Sīrah Badī' al-Zamān Sa'id al-Nūrsī/ Sīrah Dhātīyah</i>	95
3.3.9	<i>Ṣaiqal al-Islām</i>	96

3.4	Idea Said Nursi dalam Dakwah	98
3.4.1	Pendakwah	100
3.4.2	Organisasi.....	102
3.4.3	Sikap terhadap sasaran dakwah.....	106
3.4.4	Matlamat dakwah	111
3.4.5	Persiapan pendakwah	113
3.4.6	Pendekatan dakwah	116
3.5	Kesimpulan	118
BAB 4 ANALISIS IDEA PEMBAHARUAN DALAM DAKWAH SAID NURSI DAN KAITANNYA DENGAN PENGARUH PAN-ISLAMISME		120
4.1	Pengenalan.....	120
4.2	Idea Pembaharuan dalam Tauhid.....	121
4.2.1	Penolakan terhadap Falsafah Radikal	122
4.2.2	Penolakan terhadap Tasawuf Melampau	127
4.2.3	Penolakan terhadap Amalan Bidaah	134
4.2.4	Penerimaan terhadap Perselisihan.....	138
4.3	Idea Pembaharuan dalam Pemurnian Politik.....	142
4.3.1	Penawaran Pengurusan Sosial Islam	146
4.3.2	Penerimaan terhadap Sistem Demokrasi Berparlimen.....	151
4.4	Idea Pembaharuan dalam Pemurnian Pendidikan.....	156
4.4.1	Penawaran Konsep Integarasi Ilmu.....	161
4.4.2	Penubuhan Institusi Pendidikan Terancang	165
4.5	Kesimpulan	169
BAB 5 RUMUSAN DAN KESIMPULAN		171
5.1	Pengenalan.....	171
5.2	Rumusan Kajian.....	171

5.2.1	Rumusan Kajian Terhadap Isu-isu Dalam Dakwah Pan-Islamisme.....	171
5.2.2	Rumusan Kajian Terhadap Idea Said Nursi Dalam Dakwah	174
5.2.3	Rumusan Kajian terhadap Analisis Idea Dakwah Said Nursi dan Kaitannya Dengan Pengaruh Dakwah Pan-Islamisme	176
5.3	Sumbangan Kajian.....	180
5.4	Implikasi Kajian.....	181
5.5	Cadangan Kajian Masa Akan Datang.....	182
5.6	Penutup	182
	BIBLIOGRAFI.....	184

SENARAI PENERBITAN

SENARAI SINGKATAN

&	Dan
AKP	<i>Adalet ve Kalkınma Partisi</i> (Parti Keadilan dan Pembangunan)
cet.	Cetakan
CHP	<i>Cumhuriyet Halk Partisi</i> (Parti Republikan Rakyat)
CUP	<i>Committee of Union and Progress</i> (Pertubuhan Perpaduan dan Kemajuan)
ed.	Editor/ Penyunting
et al.	Terdapat editor/ penulis lain
FP	<i>Fazilet Partisi</i> (Parti Kebaikan)
H	Hijrah
h.	Halaman
ibid.	Ibidem iaitu rujukan pada tempat yang sama dan berturut-turut
Jil.	Jilid
M	Masihi
m.	Meninggal dunia
No.	Nombor
PhD	Philosophy of Doctorate
S.A.W.	<i>Şallallāhu ‘alaihi wassallam</i>
S.W.T.	<i>Subḥānahu wa ta ‘ālā</i>
SP	<i>Saadet Partisi</i> (Parti Saadah)
terj.,	Terjemahan
thn.	Tahun

PANDUAN TRANSLITERASI

Dalam mengeja perkataan-perkataan Arab dalam ejaan rumi, transliterasi berikut digunakan :

1. Konsonan

Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi
ا	-	ز	z	ق	q
ب	b	س	s	ك	k
ت	t	ش	sh	ل	l
ث	th	ص	ṣ	م	m
ج	j	ض	ḍ	ن	n
ح	ḥ	ط	ṭ	و	w
خ	kh	ظ	ẓ	ه	h
د	d	ع	‘	ء	‘
ذ	dh	غ	gh	ي	y
ر	r	ف	f	ة	t

2. Vokal

Pendek		Panjang		Diftong	
ا	a	ا	ā	اى	ai
ى	i	ى	ī	او	au
و	u	و	ū		

Rujukan: *Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984, h. 1-3.

**BADIUZZAMAN SAID NURSI (1877-1960 M) DAN *RISĀLAH AL-NŪR*:
KAJIAN TERHADAP ISU-ISU PAN-ISLAMISME DAN
HUBUNGANNYA DENGAN IDEA PEMBAHARUAN DALAM
DAKWAH DI TURKI**

ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan perbincangan mengenai pemikiran Badiuzzaman Said Nursi berpandukan karya utamanya iaitu himpunan *Risālah al-Nūr* di era kemunduran dunia Islam sedang menghadapi krisis perpecahan di Turki pada abad ke-20 M. Kemunculan gagasan Pan-Islamisme sebagai tawaran yang popular ketika krisis itu telah menuntut Said Nursi melaksanakan dakwah dengan pendekatan tersendiri sehingga berjaya mempengaruhi sebahagian besar masyarakat Islam di Turki. Tesis ini mempunyai tiga objektif utama. Pertama, mengkaji isu-isu dakwah yang terdapat dalam Pan-Islamisme. Kedua, mengkaji idea Said Nursi dalam dakwah dan ketiga, menganalisis idea dakwah Said Nursi dan kaitannya dengan pengaruh dakwah Pan-Islamisme. Kajian ini menggunakan dua metodologi iaitu metode pengumpulan data dan metode analisis data yang terdiri daripada metode induktif dan deduktif. Hasil kajian mendapati idea pembaharuan dalam dakwah Said Nursi melalui pemurnian tauhid, politik dan pendidikan berjaya memberi impak yang besar kepada masyarakat Islam di Turki. Tesis ini diharapkan dapat membantu pihak berwajib merangka gerak kerja dakwah yang lebih komprehensif dalam menangani sebarang isu yang boleh menimbulkan perpecahan dalam kalangan umat Islam.

BADIUZZAMAN SAID NURSI (1877-1960 AD) AND *RISĀLAH AL-NŪR*: A STUDY OF THE ISSUES OF PAN-ISLAMISME AND ITS RELATION TO THE IDEA OF REFORMISME IN PROPAGATION IN TURKEY

ABSTRACT

This study focuses on Badiuzzaman Said Nursi's thoughts through his major work, the collection of *Risālah al-Nūr* occurred during a period of backwardness in the Muslim world, which was experiencing an era of disunity in Turkey 20th century. During the crisis, the rise of Pan-Islamism as a popular offer forced Said Nursi to build his own da'wah approach until he was able to influence a significant portion of Turkey's Muslim community. There are three core objectives in this thesis. First, to research the issues of da'wah in Pan-Islamism. Second, to identify Said Nursi's idea in da'wah, and third, to analyze Said Nursi's da'wah ideas in relation to the influence of Pan-Islamism da'wah. This study based on two methodologies which is data collection and data analysis consisting method of inductive and deductive. The findings show that the Said Nursi's da'wah ideas by purifying tawhid, politics, and education had a great impact on the Muslim community in Turkey. This thesis aimed to assist authorities in developing a more comprehensive da'wah effort addressing any issue that may provoke the Muslim divide.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kajian terhadap pemikiran kepada seorang tokoh ulung Islam pada abad ke-20 M, Badiuzzaman Said Nursi (1877-1960 M, selanjutnya ‘Said Nursi’) merupakan sebuah kajian yang sangat menarik untuk dikupas dan dibincangkan pada peringkat akademik sebagai sebuah kajian ilmiah. Said Nursi merupakan seorang tokoh yang telah berjaya membentuk sebuah pemikiran Islam ketika pemikiran umat sedang dijajah oleh pengaruh Barat yang begitu kuat di Turki. Keadaan lebih mencabar apabila sistem pemerintahan Islam Turki Uthmaniyah (selanjutnya ‘Uthmaniyah’)¹ digantikan dengan pemerintahan republik di Turki yang menunjangkan prinsip sekularisme pada tahun 1923 M dan institusi khalifah dihapuskan secara total oleh Mustafa Kamal (presiden republik Turki pertama, 1923-1938 M, m. 1938 M) pada tahun 1924 M.²

Kemunculannya dapat diklasifikasikan sebagai penyelamat umat yang berpengaruh dalam membangkitkan kesedaran umat Islam dan memberi kesan yang

¹ Uthmaniyah merupakan sebuah empayar Islam yang telah memerintah kerajaan lebih daripada 600 tahun daripada tahun 1299/1300 M hingga 1922/1923 M sekali gus merupakan sebuah pemerintahan paling lama dan besar dalam sejarah peradaban dunia yang meliputi Anatolia (sekarang Turki), Asia Tengah dan selatan Eropah. Lihat "Empire, Ottoman." *Encyclopedia of Western Colonialism since 1450. Encyclopedia.com.* (September 22, 2021). <https://www.encyclopedia.com/history/encyclopedias-almanacs-transcripts-and-maps/empire-ottoman>; lihat juga <https://www.encyclopedia.com>; lihat juga Shaw, S. Jay and Yapp, Malcolm Edward. "Ottoman Empire." *Encyclopedia Britannica*, Februari 2, 2021. <https://www.britannica.com/place/Ottoman-Empire>.

² Mashitah Sulaiman & Mohammad Redzuan Othman, "Kenaikan dan Kejatuhan Parti-Parti Berlandaskan Islam di Turki, 1970-2002," *Jurnal Kinabalu (EJK)*, Jil. 21, 2015): 42.

besar pada pemikiran masyarakat di Turki ketika itu. Keunikan Said Nursi pada pandangan penulis ialah beliau terlibat secara langsung dalam peristiwa penting dalam lipatan sejarah dan ketamadunan Islam seperti era sebelum kejatuhan sistem khilafah, pencampuran Uthmaniyah dalam Perang Dunia I, penglibatan sebagai pejuang dalam Perang Dunia I mempertahankan Uthmaniyah, campur tangan pengaruh Barat dalam sistem pemerintahan Islam, Mustafa Kamal diangkat sebagai tokoh pemodenan Barat, Uthmaniyah dibubarkan, Turki menjadi sebuah negara republik dan penglibatan dalam menyumbang pengaruh terhadap politik semasa pada ketika itu.

Melalui pembacaan terhadap sejarah hidup Said Nursi, dapatlah dikenalpasti bahawa Said Nursi merupakan seorang tokoh yang banyak memberikan sumbangan dalam pelbagai sudut pemikiran Islam. Penguasaan tinggi yang dimiliki oleh beliau dalam ilmu agama dan ilmu sains moden iaitu ilmu umum telah dilihat sebagai adunan yang sungguh bermutu sekali gus telah mengangkat pemikirannya kepada tahap yang agak istimewa. Beliau telah pun berjaya memposisikan diri beliau dalam kelas yang tersendiri apabila karya agungnya iaitu himpunan *Risālah al-Nūr* (Turkish: *Risale-i Nur Külliyati*) mula mendapat tempat dalam sesi pengajian dan perbincangan intelektual di Turki dan dunia Islam. *Risālah al-Nūr* merupakan sebuah himpunan karya beliau yang bertemakan keimanan dan kemukjizatan *al-Qur'ān*. *Risālah al-Nūr* adalah teks yang amat relevan dan penting untuk menyelami pemikiran Said Nursi tentang aspek pemikiran dakwah beliau. Justeru, berdasarkan justifikasi ini, maka *Risālah al-Nūr* telah dipilih sebagai teks yang akan diteliti dan dianalisa di dalam kajian yang berbentuk kualitatif.

Kesan daripada keunikan perbincangan yang ada pada karya ini telah membentuk pengaruh dalam pemikiran umat Islam terutamanya di Turki pada ketika

itu. Tidak dinafikan juga, garapan pemikiran Said Nursi melalui karya agung ini telah memberikan pengaruh kepada pemikiran umat Islam di seluruh dunia sehingga ke hari ini. Apabila pengaruh pemikiran beliau sudah mula diikuti oleh sebahagian masyarakat Islam di Turki, maka wujudlah sebuah gerakan dakwah Islam yang dikenali sebagai *Nur Movement* (Turkish: *Nurculuk*, Arab: *Nursiyyah*) atau turut dikenali sebagai *Ṭullāb al-Nūr* dengan menjadikan *Risālah al-Nūr* sebagai rujukan utama. Namun, gerakan ini kemudiannya telah dianggap oleh pemerintah ketika itu di bawah pimpinan Mustafa Kamal sebagai sebuah ancaman kepada keselamatan negara.³ Walau bagaimanapun, sikap tidak senang yang ditunjukkan oleh Mustafa Kamal terhadap perkembangan gerakan ini tidak pernah mematahkan semangat dan kesungguhan pengikut dan penyokong gerakan tersebut untuk terus mendokong serta mempertahankan pemikiran Islam dan dakwah yang dibentuk oleh Said Nursi.

Penulis telah melakukan beberapa penelitian awal tentang Said Nursi dan *Risālah al-Nūr*. Melalui penelitian tersebut, penulis mendapati bahawa terdapat beberapa kajian awal telah dilakukan terhadap Said Nursi sama ada yang dihasilkan oleh para pengkaji di dalam negara mahu pun di luar negara. Walau bagaimanapun, berdasarkan hasil penelitian yang dibuat oleh penulis terhadap sejumlah kajian-kajian lepas mendapati sebahagian besarnya terdiri daripada tema sejarah, pendidikan dan kesufian. Justeru, dalam kajian pada kali ini penulis tidak berhasrat untuk mengulangi lagi perbincangan tentang tema-tema yang sama sebaliknya penulis akan membuka ruang kepada sebuah spektrum penelitian yang baharu dan segar iaitu kajian tentang

³ "Empire, Ottoman." *Encyclopedia of Western Colonialism since 1450*. *Encyclopedia.com*. (September 22, 2021). <https://www.encyclopedia.com/history/encyclopedias-almanacs-transcripts-and-maps/empire-ottoman>; lihat juga Al-Hafni, Abdul Mun'im, *Ensiklopedia Golongan, Kelompok, Aliran, Mazhab, Partai, dan Gerakan Islam*, terj., Muhtarom (Jakarta: Grafindo, 2006), h. 937; lihat juga Muhammad Faiz, "Risalah Nur dan Gerakan Tarekat di Turki: Peran Said Nursi pada awal pemerintahan Republik", *Al-A'raf: Jurnal Pemikiran Islam dan Filsafat*, Jil. 14, No. 1, 2017, h. 27.

pemikiran dakwah Said Nursi. Kajian akan dilakukan dengan meneliti teks yang paling penting dan relevan dengan tema dakwah ini iaitu himpunan *Risālah al-Nūr*.

Sebuah analisa kritis yang menyentuh tentang aspek idea pembaharuan dalam dakwah Said Nursi akan dikemukakan pada akhir kajian nanti. Penulis berpendapat hasil daripada analisa itulah yang akan menjadi sebuah penemuan yang baharu tentang Said Nursi dan sekali gus originaliti dalam kajian kualitatif ini dapat dipertahankan. Berikut dalam bahagian seterusnya, penulis akan memaparkan tentang pernyataan masalah terhadap Pan-Islamisme dan hubungannya dengan idea-idea pembaharuan yang dikemukakan dalam *Risālah al-Nūr*.

1.2 Pernyataan Masalah

Kemunduran dunia Islam yang berkait dengan Uthmaniyah telah menjadi tema dalam wacana kalangan masyarakat Islam seluruh dunia terutamanya pada abad ke-20 M. Para reformis masing-masing berkongsi idea untuk mencari penyelesaian terhadap permasalahan yang berlaku dalam dunia Islam ketika itu. Terdapat banyak kajian, penyelidikan, penulisan dan sebagainya dirumuskan oleh sarjana dan cendekiawan Islam bagi membincangkan permasalahan tersebut dalam kerangka penyelesaian yang sebenar.

Bagi tujuan tersebut, para pengkaji sejarah kebanyakannya telah menggunakan teori "*multiple causation*" yang merujuk kepelbagaian faktor dalam membincangkan sebab-sebab kejatuhan Uthmaniyah. Terdapat juga sebahagian kecilnya menggunakan teori "*hierarchical causation*" yang merujuk mengutamakan sebab tertentu tanpa menafikan sebab-sebab lain dan teori "*linear causation*" yang merujuk satu sebab sahaja seperti Muhammad Uthman el-Muhammady (m. 2013 M) telah menjadikan

serangan gerakan Wahhabi⁴ sebagai punca kejatuhan Uthmaniyah.⁵ Walau bagaimanapun, analisa Abdul Rahman dalam buku *Ensiklopedia Sejarah Turki* ke atas faktor kejatuhan Uthmaniyah berpandukan sarjana luar dan dalam negara seperti Ahmad Shalaby, Ali Muhammad al-Solabi, Taufik Yusuf al-Waei, Eeman Mohamed Abbas, Abdul Halim Uwais, Mehmet Maksudoglu, Ahmed Akgunduz & Said Ozturk, K. Ali, Mat Rofa Ismail, Mahayudin Yahaya, Dusuki Ahmad dan Riduan Mohd. Nor tidak mendapati fakta yang kukuh untuk mengaitkan kejatuhan Uthmaniyah berpunca daripada serangan gerakan Wahhabi seperti yang didakwa. Beliau tidak menafikan wujudnya serangan Saudi pada tahun 1916 M namun ianya berpunca daripada ‘Revolusi Arab’ oleh Sharif Husayn (m. 1931 M) dengan kerjasama British. Justeru, beliau berpandangan para sarjana sepakat menolak untuk mengaitkan gerakan tersebut dengan kejatuhan Uthmaniyah di Turki.⁶

Menurut Asrie dalam buku *Evolusi Gerakan Penyelewengan Dalam Islam*, pengaruh Barat adalah faktor yang menyebabkan kemunduran umat Islam. Hal ini merupakan lanjutan daripada serahan kawasan Uthmaniyah secara penuh ke atas rakyat Perancis tanpa terikat dengan undang-undang syariah Islamiah era Sulaiman al-Qanuni (pemerintah kerajaan Uthmaniyah: 1520-1566 M, m. 1566 M). Pengaruh Barat

⁴ Wahhabi atau *Wahhābiyah* merupakan sebuah kelompok yang disandarkan kepada Muhammad bin ‘Abd al-Wahhab (m. 1792 M) iaitu seorang reformis di Semenanjung Arab yang menggunakan metode kaum *Salaf* dalam perjuangan memurnikan tauhid, menghapuskan amalan bidaah dan fahaman sesat. Kelompok ini juga turut dikaitkan dengan gerakan reformis yang berusaha menerapkan pemikiran-pemikiran Ibn Taymiyah dalam kehidupan. Nama yang digunakan bagi kelompok ini ialah *Ahl al-Tauhid, Ikhwan Man Aṭa’ā Allah, Hanabilah, Salafiyin* dan *Muwahhidin* manakala musuh-musuh mereka menggunakan istilah *Wahhābiyah*. Lihat Al-Hafni, Abdul Mun’im, *Ensiklopedia Golongan, Kelompok, Aliran, Mazhab, Partai, dan Gerakan Islam*, h. 971-972.

⁵ Abdul Rahman Abdullah, *Ensiklopedia Sejarah Turki: Membongkar Sejarah Kejatuhan Kerajaan Uthmaniyah dan Pra-Kemunculan Mustafa Kemal Atatürk*, Jil. 2, (Petaling Jaya: Hijjaz Records Publishing, 2019), h. 2-4; lihat juga Muhammad Uthman el-Muhammady, “Tauhid Menentang Syirik Dalam Fahaman dan Amalan,” ed., Panel Penulis, *Isu dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003), h. 206.

⁶ Abdul Rahman Abdullah, *Ensiklopedia Sejarah Turki: Membongkar Sejarah Kejatuhan Kerajaan Uthmaniyah dan Pra-Kemunculan Mustafa Kemal Atatürk*, h. 22-24.

kemudiannya mula meresap dalam budaya dan seni bina dengan membina bangunan secara megah dan membazir seterusnya dalam ketenteraan seperti pengambilan jurulatih, pakaian dan sistem pendidikan ketenteraan dari Barat bagi langkah memperkemaskan sistem ketenteraan Uthmaniyah yang semakin lemah.⁷ Selain itu, sikap keterbukaan era pemerintahan Sultan Abdul Majid I (pemerintah kerajaan Uthmaniyah: 1839-1861 M, m. 1861 M) yang memperkenalkan piagam bersumberkan Barat iaitu *Hatt-i Syarif Gulhane* pada tahun 1839 M dan *Hatt-i Humayun* pada tahun 1856 M telah memberi kesan kepada sekularisme dalam urus tadbir seperti pendidikan, perundangan, ketenteraan, komunikasi dan ekonomi.⁸

Fadhlullah Jamil dalam buku *Baldataun Tayyibah: Model Uthmaniyah* yang amat kritis menganalisa permasalahan yang timbul dalam dunia Islam telah berpandangan faktor utama kejatuhan Uthmaniyah tersebut ialah kelemahan sistem pemerintahan yang jauh daripada syariat Islam bermula selepas kematian Sultan Sulaiman al-Qanuni. Walau bagaimanapun, sumbangan Uthmaniyah dalam mempertahankan dan menyebarkan Islam tidak boleh dinafikan. Namun, pada aspek lain seperti pengamalan sistem feodal telah merosakkan sistem sosial masyarakat dengan membezakan antara golongan bangsawan dan rakyat. Selain itu, perlantikan sultan secara pewarisan tanpa melihat aspek kelayakan turut menyumbang kepada mewujudkan pemimpin yang lemah. Oleh kerana itu, beliau berpendapat faktor luaran yang berlaku adalah berkait rapat dengan faktor dalaman yang ada.⁹

⁷ Muhammad Asrie Sobri, *Evolusi Gerakan Penyelewengan Dalam Islam* (Rawang: Karya PiS Sdn Bhd, 2020), h. 114-115.

⁸ *Ibid.*, h. 122.

⁹ Fadhlullah Jamil, "Sisi Gelap Kerajaan 'Uthmaniyah: Satu Pengajaran Berharga", Mohd. Roslan, M. N. & Mohamad Zamri, M. S. (penyelenggara), *Baldataun Tayyibah: Model Uthmaniyah: Sejarah Perkembangan Dan Kejatuhan Pemerintahan Islam Uthmaniyah: Teladan Dan Sempadan*, Shah Alam: Persatuan Ulama' Malaysia & Imtiyaz Multimedia & Publications, 2011, h. 38-39.

Selain daripada faktor kepimpinan, faktor peperangan turut menyumbang kepada kejatuhan Uthmaniyah tersebut. Menurut Mohd Roslan & Nor Dalila, kepentingan Sharif Husayn untuk menguasai Dunia Arab bagi menggantikan kuasa pemerintahan Islam di Turki telah mendorong kepada kebangkitan dan kebebasan rakyatnya dari Uthmaniyah. Justeru, penglibatan tanah Arab yang secara tidak langsung dalam Perang Dunia Pertama telah membantu pihak British untuk menguasai tanah jajahan Uthmaniyah.¹⁰ Selain itu, kekalahan Jerman dan Uthmaniyah dalam Perang Dunia Pertama (1914-1918 M) telah menyumbang kepada penyerahan tanah jajahan Uthmaniyah kepada kuasa berikat yang terdiri daripada British, Perancis dan Amerika seperti Palestin dan Iraq di bawah mandat British dan Syria di bawah mandat Perancis.¹¹ Keadaan bertambah parah lagi apabila termeterai Perjanjian Moudros pada tahun 1918 M yang memberi hak British secara rasmi menduduki Istanbul pada 16 Mac 1920 M kesan daripada kekalahan dalam Perang Dunia Pertama tersebut.¹²

Akibat daripada imperialisme Barat tersebut yang memberi kesan kepada perpecahan kalangan umat Islam, pemikiran umat Islam ketika itu terbahagi kepada tiga kelompok iaitu konservatif, sekular dan reformis. Menurut Norahida dan Zaidin, kelompok konservatif sering dilihat kontradiksi dengan kelompok sekular dalam meletakkan kedudukan Barat. Bagi kelompok konservatif, Barat telah membawa pemikiran-pemikiran telah memberi kesan kepada kemunduran umat Islam. Atas sebab itu, mereka menolak keperluan Barat dalam peranan pembaharuan seperti yang diperjuangkan oleh kelompok sekular yang telah menjadikan Barat sebagai model

¹⁰ Mohd Roslan Mohd Nor & Nor Dalila Zakaria, "Perancangan Zionis Ke Arah Pembentukan Negara Israel," *Jurnal Usuluddin*, Jil. 30 (2009): 228-229.

¹¹ *Ibid.*, h. 231.

¹² Abdul Rahman Abdullah, *Ensiklopedia Sejarah Turki: Membongkar Sejarah Zaman Sebelum Uthmaniyah*, Jil. 1, (Petaling Jaya: Hijjaz Records Publishing, 2019), h. 423.

kemajuan dan ketamadunan. Pada pertembungan ini, muncul sebuah lagi kelompok yang dikenali sebagai reformis telah mengambil pendekatan sederhana di antara dua kelompok tersebut. Bagi kelompok ini, tema kemunduran dapat diatasi apabila umat Islam berjaya memposisikan Barat pada sudut positif tanpa menolak syariat Islam seperti kepentingan ilmu moden iaitu ilmu umum dan kemajuan.¹³

Hal yang hampir sama turut diketengahkan oleh Muhammad Nasron bahawa terdapat tiga golongan umat Islam mendepani serangan pemikiran daripada Barat. Pertama, golongan yang menerima ideologi moden dengan penuh semangat atas nama kemodenan. Kedua, golongan yang beranggapan jalan paling selamat adalah dengan menolak ideologi Barat dan menjauhkan diri daripada dunia moden. Ketiga, golongan yang bersikap pertengahan dan sederhana. Menurut beliau, golongan yang ideal pada era moden ini ialah golongan ketiga kerana ia bertepatan dengan sikap umat Islam yang sebenar seperti di dalam *al-Qur'ān* surah al-Baqarah [2:143].¹⁴ Atas kewajaran sikap pertengahan dan sederhana terhadap interaksi Barat dan Islam, perbincangan seterusnya memfokuskan tawaran-tawaran daripada kelompok reformis terhadap dunia Islam.

Antara reformis yang menonjol pada abad ke-19 M ialah Jamaluddin al-Afghani (m. 1897 M, selanjutnya 'al-Afghani'). Beliau telah menawarkan penyelesaian mengatasi kemunduran dunia Islam dengan gagasan yang dikenali sebagai Pan-Islamisme.¹⁵ Faktor yang mendorong al-Afghani ke arah perjuangan

¹³ Norahida Mohamed & Mohamad Zaidin Mat@Mohamad, "Islah Sebagai Pendekatan Pembangunan Masyarakat: Kajian Terhadap Pemikiran Muhammad Rashid Rida," *Sains Insani*, Jil. 2, No. 2 (2017): 102.

¹⁴ Muhammad Nasron Yaacob, "Serangan Ideologi Moden: Realiti Umat Islam Masa Kini," *Jurnal KIAS*, Jil. 12, No. 12 (2017): 106-107.

¹⁵ Fadhlullah Jamil, *Islam dan Idealisme Zaman Moden: Krisis dan Ancaman*, (Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd, 2010), h. 127; lihat juga Azman Md Zain & Mahyuddin Abu Bakar, "Pemikiran

tersebut ialah lemahnya perpaduan antara umat Islam ketika itu. Bagi menangani permasalahan yang timbul tersebut, umat Islam harus kembali bersatu padu mempertahankan diri daripada penjajahan Barat serta mengembalikan harga diri dengan menghakis perselisihan, merapatkan ikatan dan berjuang bersama-sama di samping tidak menafikan keperluan umat Islam daripada menguasai kemajuan Barat.¹⁶

Menurut Akmal Hawi pula, al-Afghani telah meletakkan ketiadaan keadilan, *shūrā* yang merujuk kepada dewan parlimen sistem demokrasi dalam pemerintahan dan ketidaksetiaan pemerintah terhadap perlembagaan ketika itu adalah punca kemunduran dunia Islam.¹⁷ Hal tersebut telah disokong oleh Abba Idris bahawa atas faktor tersebut, al-Afghani cenderung ke arah pembentukan sistem pemerintahan yang mempunyai sistem konstitusional, keadilan, hak kerakyatan dan kedaulatan undang-undang sebagai penyelesaian isu kemunduran. Atas rasional tersebut juga, al-Afghani mencadangkan pembentukan kerjasama antara negara-negara dalam dunia Islam yang tidak terbatas kepada satu penguasa sahaja iaitu sistem khilafah dan pembentukan sistem republik dalam menolak despotisme¹⁸ dalam sistem pemerintahan.¹⁹

Pengaruh daripada gagasan tersebut seterusnya telah mendapat sambutan daripada para tokoh reformis Islam yang lain seperti Muhammad Abduh (m. 1904 M,

Politik Sayyid Jamal Al-Din Al-Afghani Mengenai Konsep Pembinaan Peradaban Ummah & Respons Masyarakat Terhadapnya,” *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, Jil. 8 (2007): 33.

¹⁶ Syaiful Amri Nasution, “Pan Islamisme Menurut Jamāluddīn Al-Afghānī Dan Muḥammad ‘Abduh,” *Jurnal Al-Lubb*, Jil. 2, No. 2 (2017): 324.

¹⁷ Akmal Hawi, “Pemikiran Jamaluddin al-Afghani (Jamal al-Din al-Afghani) (1938-1897 M),” *Medina-Te Jurnal Studi Islam*, Jil. 13, No. 1 (2017): 18-19.

¹⁸ Despotisme bermaksud absolutisme iaitu pemerintahan secara kuasa mutlak pada kebiasaannya dikaitkan dengan perlaksanaannya yang kejam atau menindas (Gordon Marshall "despotism ." A Dictionary of Sociology. . *Encyclopedia.com*. (25 Januari 2022). <https://www.encyclopedia.com/social-sciences/dictionaries-thesauruses-pictures-and-press-releases/despotism>). Dipetik pada 23 Januari 2022.

¹⁹ Abba Idris Adam, “Islamic Civilization in the Face of Modernity: The Case of Jamal al-Din al-Afghani dan Muhammad Abduh,” *International Journal of Humanities and Social Science*, Jil. 7, No. 6 (2014): 42.

selanjutnya ‘Abduh’) dan Rashid Rida (m. 1935 M) pada penghujung abad ke-19 M. Idea daripada gagasan inilah lahirnya gerakan-gerakan Islam moden abad ke-20 M seperti Hasan al-Banna (m. 1949 M) dengan gerakan Ikhwan al-Muslimun, Abūl Alā Mawdūdī (m. 1979 M) dengan gerakan Jamā’at al-Islamī, Mohammad Natsir (m. 1993 M) dengan Masyumi (Majelis Syuro Muslimin Indonesia).²⁰ Bahkan, pengaruh daripada Pan-Islamisme juga berjaya mempengaruhi sejumlah tokoh reformis di Tanah Melayu yang lebih dikenali sebagai Kaum Muda seperti Syed Shaykh al-Hadi dan Shaykh Tahir Jalaluddin²¹ manakala di Indonesia seperti Kiyai Haji Ahmad Dahlan (pengasas Muhammadiyah)²² dan Kiyai Haji Mohammad Hasyim Ashari (pengasas Nahdatul Ulama).²³ Atas justifikasi itu, penulis beranggapan Pan-Islamisme adalah suatu gagasan yang signifikan untuk disoroti dalam kajian berkaitan aspek perkembangan idea pembaharuan.

Selain daripada al-Afghani, perjuangan Pan-Islamisme turut dipopularkan oleh tokoh gerakan Uthmani Muda di Turki iaitu Namık Kemal (m. 1888 M) pada akhir 1860 M atas dorongan keperluan umat Islam mengatasi kelemahan dengan membina semula perpaduan setelah sejumlah wilayah Uthmaniyah dijajah oleh kuasa Barat.²⁴ Beliau juga turut berpandangan tuntutan terhadap perubahan dalam sistem pemerintahan Islam kepada sistem kerajaan berperlembagaan terdapat sandarannya dalam konsep *shūrā* di dalam *al-Qur’ān* yang membawa keperluan rundingan bersama dalam memutuskan sesuatu perkara berkaitan sosial. Bagi tujuan tersebut, Mustafa

²⁰ Akmal Hawi, “Pemikiran Jamaluddin al-Afghani (Jamal al-Din al-Afghani) (1938-1897 M),” *Medina-Te Jurnal Studi Islam*, Jil. 13, No. 1 (2017): 18.

²¹ Kamarul Afendey Hamimi, “Kaum Muda dan Kegiatan Penubuhan Madrasah Islah di Tanah Melayu 1906-1957,” Tesis PhD, (Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2018), h. 22.

²² *Ibid.*, h. 115.

²³ Ahmad Khiorul Fata & M Ainun Najib, “Kontekstualisasi Pemikiran KH. Hasyim Asy’ari tentang Persatuan Umat Islam,” *MIQOT: Jurnal Ilmu-ilmu Keislaman*, Jil. 38, No. 2 (2014): 326.

²⁴ Zulhelman Roslan & Ermy Azziaty Rozali, “Polisi Pan-Islamisme semasa Pemerintahan Sultan ‘Abd al-Hamid II (1876-1909M),” *Jurnal Islamiyyat*, Jil. 39, No. 1 (2017): 72.

Akyol menyatakan Namik Kemal telah menggunakan saluran gerakan Uthmani Muda bagi menterjemahkan gagasan ini terhadap sistem pemerintahan negara Islam dengan menerbitkan akhbar *Hürriyet* (kebebasan) dengan menyatakan “*Sebuah kritikal kebebasan ke atas tindakan kerajaan dan program pembaharuan perlembagaan*” pada tahun 1868 M.²⁵ Pada tahun 1872 M, Namik Kemal melalui penulisannya bertajuk *İttihad-ı İslam* (kesatuan Islam) telah diterbitkan dalam akhbar *İbret* di Istanbul menyeru umat Islam kepada perpaduan. Beliau menegaskan peranan kerajaan Uthmaniyah sangat besar dalam memimpin umat Islam daripada ditindas oleh penjajahan Barat.²⁶

Menurut Mohd Roslan, idea Uthmani Muda (*Young Ottomans*) tersebut disambut baik oleh Sultan Abdul Hamid II (pemerintah kerajaan Uthmaniyah: 1876-1909 M, m. 1918 M)²⁷ pada peringkat awal dengan berlakunya proklamasi Perlembagaan pada 1876 M yang memperkenalkan sistem pemerintahan berbentuk monarki berperlembagaan (*constitutional monarchy*) yang tidak melibatkan sistem kepartian. Walau bagaimanapun, sultan telah menarik semula idea perlembagaan pada tahun 1878 M dan memilih untuk kembali kepada sistem monarki mutlak (*absolute monarchy*). Namun begitu, idea tersebut kemudiannya diteruskan oleh gerakan Turki Muda (*Young Turks*).²⁸

²⁵ Mustafa Akyol, *Islam Tanpa Keekstreman: Berhujah Untuk Kebebasan* (Kuala Lumpur: Islamic Renaissance Front Berhad, 2016), h. 201-202.

²⁶ Zulhelman Roslan & Ermy Azziaty Rozali, “Polisi Pan-Islamisme semasa Pemerintahan Sultan ‘Abd al-Hamid II (1876-1909M),” h. 72.

²⁷ Britannica, The Editors of Encyclopaedia. "Abdülhamid II". *Encyclopedia Britannica*, 5 April 2021, <https://www.britannica.com/biography/Abdulhamid-II>. Dipetik pada 23 Mei 2021.

²⁸ Mohd Roslan Mohd Nor. “Sejarah Ringkas Kebangkitan dan Kejatuhan Kerajaan Islam Uthmaniyyah”, Mohd Roslan Mohd Nor & Mohamad Zamri Mohamed Shapik (penyelenggara), *Baldatun Tayyibah: Model Uthmaniyah: Sejarah Perkembangan Dan Kejatuhan Pemerintahan Islam Uthmaniyah: Teladan Dan Sempadan*, (Shah Alam: Persatuan Ulama’ Malaysia & Imtiyaz Multimedia & Publications, 2011), h. 14.

Pada pandangan Sultan Abdul Hamid II, terdapat agenda Barat di sebalik idea perlembagaan tersebut iaitu penghapusan sistem pemerintahan khilafah Islam. Oleh itu, sultan telah mengambil langkah untuk membatalkannya dan membubarkan sistem parlimen yang terdiri daripada 130 perwakilan. Sultan juga berpendirian bahawa reformasi seperti itu tidak mampu untuk menyelamatkan pemerintahan Islam yang sedang lemah. Dengan itu, sultan mengalih pandangannya dengan membina kekuatan melalui idea pembentukan Pan-Islamisme dan pengekalannya sistem khilafah Islam.²⁹

Peluang pemerintahan tersebut telah dimanfaatkan oleh Sultan Abdul Hamid II untuk menstabilkan politik Uthmaniyah dengan memperkenalkan polisi Pan-Islamisme. Ideanya bertujuan untuk membentuk semula perpaduan seluruh umat Islam agar seluruh umat berdiri teguh bersamanya. Oleh itu, beliau telah meletakkan teras utama dalam polisi dengan mengetengahkan prinsip kedudukan dan peranan khalifah mampu menyatupadukan seluruh umat Islam. Sejalan dengan itu, beliau mengisytiharkan dirinya sebagai khalifah yang akan bertanggungjawab kepada seluruh umat Islam bukan lagi kepada rakyat Uthmaniyah sahaja.³⁰

Pada tahun 1892 M, Sultan Abdul Hamid II telah menjemput al-Afghani ke Istanbul. Jemputan tersebut dianggap oleh al-Afghani sebagai peluang untuk merealisasikan idea Pan-Islamismenya sebagai sebuah usaha menyelamatkan dunia Islam. Namun, pertembungan idea Pan-Islamisme antara al-Afghani dengan sultan telah mengakibatkan sultan menjatuhkan hukuman tahanan rumah ke atas al-Afghani. Hal ini kerana sultan mendapati idea Pan-Islamisme al-Afghani cenderung ke arah

²⁹ Fathi Zaghrut., *Bencana-Bencana Besar Dalam Sejarah Islam*, terj., Masturi Irham & Malik Supar, (Jakarta: Pustaka Al-Kautsar, 2014), h. 824-825.

³⁰ *Ibid.*, h. 824-825; lihat juga Zulhelman Roslan & Ermy Azziaty Rozali, "Polisi Pan-Islamisme semasa Pemerintahan Sultan 'Abd al-Hamid II (1876-1909M)," h. 73-74.

menggugat sistem kesultanan dalam Uthmaniyah dengan menawarkan reformasi sistem daripada berorientasikan autokratik (kuasa mutlak) kepada sistem demokrasi yang merujuk kerajaan berperlembagaan.³¹

Hal tersebut turut dinyatakan oleh Hamka dalam bukunya *Sejarah Dunia Islam* bahawa jemputan al-Afghani ke Istanbul bertujuan untuk mengukuhkan lagi kepentingan Pan-Islamisme Sultan Abdul Hamid II.

Sultan Abdul Hamid ingin Islam kuat kembali dan seluruh negeri Islam yang di bawah kekuasaannya bangkit melawan Barat. Itu sebabnya maka Sayid Jamaluddin Al-Afghani diundang supaya tinggal di Istanbul, agar pemimpin besar Islam itu dapat mengembangkan cita-cita 'Pan-Islamismenya'. Tetapi karena Jamaluddin Al-Afghani adalah seorang ulama-ulama ahli fikir dan pemimpin yang bebas fikiran, bukan sedia untuk dijadikan 'kuda-kuda', akhirnya terjadilah perselisihan di antara dia dengan Sultan, sampai Sayid Jamaluddin yang mulia itu sakit dan mati dalam kesepian, dikurung secara halus dalam istana yang disediakan buat dia..³²

Pada tahun 1908 M tercetus sebuah revolusi yang dikenali sebagai “Revolusi Turki Muda” oleh gerakan nasionalisme Turki Muda. Revolusi tersebut telah berjaya memaksa Sultan Abdul Hamid II untuk menerima semula idea perlembagaan dengan membuka kembali sidang parlimen pada tahun yang sama. Kesan proklamasi tersebut sekali gus telah membuka ruang kepada kemunculan gerakan politik beraliran sekular di Turki terutama Pertubuhan Perpaduan dan Kemajuan (*Committee of Union and Progress* selanjutnya ‘CUP’) dengan perjuangan “Kebebasan, Persaudaraan dan Persamaan”. Gerakan yang terdiri daripada Turki Muda tersebut kemudiannya telah menjadi sebuah gerakan berpengaruh ketika itu.³³

³¹ Fadhlullah Jamil, *Islam dan Idealisme Zaman Moden: Krisis dan Ancaman*, h. 140.

³² Hamka, *Sejarah Umat Islam*, (Batu Caves: PTS Publishing House Sdn. Bhd., 2016), h. 699.

³³ Mohamad Zaidin Mat @ Mohamad, Hanif Md Lateh @ Junid & Rahimah Embong, “Latar Belakang Badiuzzaman Said Nursi dan Rasa’il al-Nur,” ed., Rahimah Embong et al., *Badiuzzaman Said Nursi: Penerus Peradaban Insan* (Kuala Nerus: Penerbit Sultan Zainal Abidin, 2018), h. 20; lihat juga

Peristiwa-peristiwa di atas menyimpulkan bahawa Pan-Islamisme merupakan sebuah gagasan popular oleh reformis pada abad ke-19 M di Turki sebagai tawaran menangani kemunduran dunia Islam dengan perjuangan kebebasan dan perlembagaan. Penerimaan Sultan Abdul Hamid II terhadap Pan-Islamisme mengukuhkan lagi bahawa gagasan tersebut berkeupayaan untuk mengembalikan peranan dunia Islam yang sedang lemah. Perjuangan al-Afghani tersebut seolah mempunyai persamaan dengan tokoh gerakan pembaharuan Uthmani Muda di Turki seperti Namik Kemal. Masing-masing meletakkan kepentingan reformasi pemerintahan dalam menawarkan penyelesaian terhadap kemelut politik Uthmaniyah ketika itu. Atas faktor itu, idea reformis ditolak kerana bertentangan dengan Pan-Islamisme sultan.

Idea Pan-Islamisme reformis tersebut telah berjaya mempengaruhi pemikiran Said Nursi. Menurut Şükran Vahide, hal ini dapat dilihat apabila Said Nursi meletakkan kepentingan politik dalam dakwahnya pada peringkat awal perjuangan.³⁴ Buktinya dapat dilihat melalui penglibatannya menyokong dasar perjuangan gerakan CUP yang menuntut sistem berperlembagaan daripada Sultan Abdul Hamid II pada tahun 1908 M. Atas dasar beranggapan wujudnya peluang menterjemahkan ideanya untuk menuntut kebebasan dan perlembagaan Islam dalam sistem Uthmaniyah, beliau cuba untuk bekerjasama dengan CUP. Walau bagaimanapun, beliau menarik diri daripada terlibat dengan revolusi yang dianjurkan oleh gerakan tersebut setelah mendapati CUP merupakan sebuah badan politik yang cenderung ke arah pemikiran

Mohamad Zaidin Mat, *Bediuzzaman Said Nursi: Sejarah Perjuangan dan Pemikiran* (Bangi: Jabatan Pengajian Arab Dan Tamadun Islam, 2003), h. 25-26.

³⁴ Şükran Vahide, *Bediuzzaman Said Nursi: Author of the Risale-i Nur* (Petaling Jaya: Islamic Book Trust, 2011), h. 23.

sekular dan anti-agama dengan tujuan menggulingkan Sultan Abdul Hamid II.³⁵ Hal tersebut telah menuntut beliau mengkritik politik pimpinan CUP.

Yes, i [Said Nursi] prefer the wild life to civilization which is the mixed despotism, depravity, and degradation. This Civilization make individuals impoverished, dissolute, and immoral, whereas true civilization serves mankind's progress and development and the relization of man's potential. In this regard, therefore, to want civilization is to want humanity...

*Long live Islamic Constitutionalism! Long live the shining Freedom which has learnt a thorough lesson from the instruction of the reality of the Shari'ah!*³⁶

Beliau juga pernah menggunakan peluang pertubuhan politik Islam untuk mengetengahkan ideanya dengan menyertai *al-Ittiḥādi al-Muḥammad* (Persatuan Umat Muhammad) sebagai sebuah pertubuhan yang diasaskan oleh Darwish Wihdati (m. 1909 M) pada tahun 1909 M. Tujuan penubuhannya adalah untuk mengembalikan kegemilangan Uthmaniyah berasaskan Islam di samping memupuk perpaduan dalam kalangan umat. Namun, revolusi 1909 M yang didominasi oleh tentera telah mengakibatkan Said Nursi ditahan oleh pihak pemerintah CUP atas tuduhan terlibat mencetuskan pemberontakan walaupun beliau ketika itu tidak terlibat secara langsung. Akhirnya, gerakan tersebut diharamkan oleh pemerintah dan beberapa anggota gerakan tersebut dijatuhi hukuman mati termasuk pengasasnya.³⁷ Komentarnya terhadap perjuangan ketika itu adalah seperti berikut:

Saya adalah salah seorang anggota organisasi ini [Ittiḥad al-Muḥammad] dan salah seorang yang sangat antusias

³⁵ Fadhlullah Jamil, *Islam dan Idealisme Zaman Modern: Krisis dan Ancaman*, h. 60; lihat juga Mohamad Zaidin Mat, *Bediuzzaman Said Nursi: Sejarah Perjuangan dan Pemikiran*, h. 28.

³⁶ Şükran Vahide, *Bediuzzaman Said Nursi: Author of the Risale-i Nur*, h. 103.

³⁷ Abdul Rahman Abdullah, *Ensiklopedia Sejarah Turki: Ancaman Sekularisme dan Proses Islamisasi di Turki*, Jil. 3, (Petaling Jaya: Hijjaz Records Publishing, 2019), h. 83-84; lihat juga Fadhlullah Jamil, *Islam dan Idealisme Zaman Modern: Krisis dan Ancaman*, h. 60-61; lihat juga Mohamad Zaidin Mat, *Bediuzzaman Said Nursi: Sejarah Perjuangan dan Pemikiran*, h. 29-30.

[bersemangat] terhadap kemunculannya. Saya bukan anggota kelompok atau partai yang menyebabkan perpecahan.

Saya telah membaiaat [berikrar setia] kepada Sultan Salim [pertama] dan menerima pemikirannya tentang persatuan Islam. Ia adalah orang yang membangunkan wilayah Timur makanya mereka membaiaatnya. Penduduk wilayah Timur sekarang adalah penduduk wilayah Timur waktu itu. Pendahulu dalam masalah ini [dunia Islam] adalah Syekh Jamaluddin al-Afghani dan [dia adalah] dari ulama terkemuka, mufti Mesir Syekh Muhammad Abduh, dan [dia adalah] seorang ulama terkemuka lainnya Ali Su'awi, Syekh Tahsin, Namik Kemal yang menjadikan persatuan Islam [Pan-Islamisme] sebagai tujuannya, dan Sultan Salim [yang pertama].”³⁸

Ketokohan Said Nursi sebagai pemimpin agama telah menyumbang kepada tawaran undangan ke sidang parlimen pada 9 November 1922 M di Ankara yang ketika itu menjadi pusat gerakan pembebasan pimpinan Mustafa Kamal menentang penjajahan British di Istanbul. Kehadiran beliau disambut dengan penuh penghormatan dan penghargaan sehingga dijemput untuk memimpin bacaan doa agar diberi kejayaan perjuangan kemerdekaan Turki. Ketika di Ankara, pemerhatian Said Nursi terhadap kewajipan agama dalam kalangan anggota parlimen amat lemah. Hal tersebut menuntut beliau menasihati mereka dengan menulis kenyataan yang mengandungi 10 perkara penting bertarikh 19 Januari 1923 M dan telah dibaca hadapan perwakilan oleh Jeneral Kazim Karabakr (m. 1948 M). Walau bagaimanapun, usaha beliau tersebut tidak disenangi Mustafa Kamal. Beliau akhirnya pulang ke Van pada 17 April 1923 M.³⁹

Setelah percubaan menggunakan lapangan politik tidak berjaya, beliau telah mengambil keputusan untuk meninggalkan politik secara total. Hal tersebut jelas

³⁸ Nursi, Badiuzzaman Said, *Biografi Badiuzzaman Said Nursi*, terj., Saifullah Kamalie, ed., Irwandi, (Banten: Risalah Nur Press, 2020), h. 71-72; lihat juga Wan Jaffree Wan Sulaiman, ed., *Mujaddid Islam – Sheikh Bediuzzaman Said Nursi* (Ankara: Ihsan Nur Nesriyat, 2015), h. 28; lihat juga Şükran Vahide, *Bediuzzaman Said Nursi: Author of the Risale-i Nur*, h. 23.

³⁹ Mohamad Zaidin Mat, *Bediuzzaman Said Nursi: Sejarah Perjuangan dan Pemikiran*, h. 46-49.

dengan ungkapannya “*A ‘ūzu bi Allah min al-Shaytān wa al-Siyāsah*” yang bermaksud aku berlindung kepada Allah daripada syaitan dan politik.⁴⁰ Usaha dakwah beliau ketika ini lebih berfokus kepada pendekatan menyampaikan kuliah-kuliah agama kepada mereka yang menemuinya dengan menawarkan hakikat kebenaran *al-Qur‘ān* sebagai sebuah jalan yang paling kukuh menyelamatkan iman umat Islam ketika itu.⁴¹

Hal meninggalkan lapangan politik tersebut telah menimbulkan banyak persoalan daripada kalangan masyarakat khususnya pengikutnya yang mengenali beliau sebagai seorang yang aktif politik sebelum ini. Said Nursi dalam bukunya *al-Maktūbāt* menjawab persoalan ini seperti berikut:

I am asked: “Why have you withdrawn from politics and now havenothing to do with them?”

*The Answer: The Old Said of nine or ten years ago was involved in politics to a degree; indeed, thinking he would serve religion and learning by means of politics, he was wearied for nothing. He saw that it is a dangerous way which is dubious and full of difficulties, and for me superfluous as well as forming an obstacle to the most necessary duties. It is mostly lies and may be exploited by foreigners without one being aware of it.*⁴²

Berdasarkan kenyataan di atas, timbul persoalan apakah pendekatan yang relevan pada perspektif pemikiran Said Nursi apabila beliau berpandangan pendekatannya dalam fasa ‘Said Lama’ terdapat kelompongan. Sedangkan diketahui bahawa perjuangan beliau sebelum ini banyak dipengaruhi oleh Pan-Islamisme namun pada fasa ‘Said Baru’ beliau memilih sebaliknya dengan meninggalkan lapangan

⁴⁰ Nursi, Badiuzzaman Said, *Biografi Badiuzzaman Said Nursi*, h. 220; lihat juga Suhayib, “Pemikiran Tasawuf Said Nursi Dalam Pemberdayaan Politik (Al-Tamkin Al-Siyasi) Masyarakat Muslim di Turki: Studi Atas Kitab Al-Matsnawi An-Nuri”, *An-Nida’*, Jil. 38, No. 1, 2013, h. 66.

⁴¹ Suhayib, “Pemikiran Tasawuf Said Nursi Dalam Pemberdayaan Politik (Al-Tamkin Al-Siyasi) Masyarakat Muslim di Turki: Studi Atas Kitab Al-Matsnawi An-Nuri”, *An-Nida’*, Jil. 38, No. 1, 2013, h. 52.

⁴² Nursi, Badiuzzaman Said, *Bediuzzaman Said Nursi Letters 1928-1932*, terj., Şükran Vahide et al., (Ankara: Sozler, 2014), h. 80; lihat juga Nursi, Badiuzzaman Said, *Al-Maktūbāt*, terj., Fauzi Faisal Bahreisy, ed., Irwandi, (Banten: Risalah Nur Press, 2017), h. 106.

politik. Apakah Pan-Islamisme hanya sekadar perjuangan politik? Jika tidak, apakah yang menjadi isu-isu dalam perjuangan Pan-Islamisme? Jika begitu, bagaimana pula hubungan pemikiran Said Nursi dengan isu-isu Pan-Islamisme?

Pada tahun 1926 M, beliau telah dijatuhkan hukuman pengasingan di Barla oleh pihak pemerintah daripada Parti Republikan Rakyat (*Cumhuriyet Halk Partisi*, selanjutnya 'CHP') pimpinan Mustafa Kamal dengan atas tuduhan terlibat dengan pemberontakan terhadap kerajaan yang dipimpin oleh Shaykh Sa'id Bayram (m. 1925 M). Bermula dari saat itu, beliau mula menyebarkan pemikiran Islam dalam bentuk dakwah melalui penulisan yang kemudiannya diberi nama *Risālah al-Nūr* sehingga berjaya membentuk sebuah gerakan sosial yang dikenali sebagai *Nur Movement*. Walaupun keadaannya dikawal ketat oleh pihak pemerintah dan terbatas, pengaruhnya terus berkembang sehingga pada tahun 1947 M bilangan pengikutnya mencecah sekitar 500,000 hingga 600,000 orang.⁴³

Pendekatan yang diambil oleh Said Nursi ketika itu bukan bererti mengabaikan perbincangan berkaitan dunia Islam. Buktinya, terdapat perbincangan dalam *Risālah al-Nūr* yang bertemakan analisa beliau terhadap dunia Islam seperti buku berjudul *Khutbah Syamiyah*. Dalam buku tersebut turut dimuatnaik beberapa penulisannya semasa aktif dalam *Ittiḥād al-Muḥammad* tahun 1909 M pada bahagian lampiran. Berpandukan Iḥsān Qāsim, buku ini merupakan pidato umum Said Nursi dalam bahasa Arab di Masjid Umawi, Damsyik yang telah dihadiri lebih 10,000 orang pada tahun 1911 M. Peristiwa tersebut dianggap penting kerana ia merupakan pidato ulungnya

Fadhlullah Jamil, *Islam dan Idealisme Zaman Moden: Krisis dan Ancaman*, h. 60; lihat juga Mohamad Zaidin Mat, *Bediuzzaman Said Nursi: Sejarah Perjuangan dan Pemikiran*, h. 53; lihat juga Ab Aziz Mohd Zin & Faridah Mohd Sairi, "Nur Movement di Turki dan Kesenambungan Dakwahnya Sehingga Kini," *Jurnal Usuluddin*, No. 30 (2009): 136.

sebelum tercetus Perang Dunia Pertama dan bermula fasa kehidupan Said Nursi penuh ujian seperti penahanan, pengasingan dan pengadilan di mahkamah sehingga tahun 1950 M. Atas kerelevan isi kandungannya, Said Nursi telah membukukan pada tahun 1951 M dalam bahasa Turki.⁴⁴ Hal tersebut membuktikan isu dunia Islam masih diberi perhatian oleh beliau walaupun pendekatan ketika itu tidak lagi terlibat dalam lapangan politik secara langsung.

Dakwah di Turki yang dipelopori oleh Said Nursi kemudiannya dikembangkan oleh *Nur Movement* melalui gerakan sosial dan Necmettin Erbakan (m. 2011 M, selanjutnya ‘Erbakan’) melalui *Millî Görüş* sebagai gerakan politik dengan menaja beberapa parti berteraskan Islam seperti *Refah Partisi* dan *Fazilet Partisi* (FP). Susulan daripada pengharaman parti politik Islam tersebut di Turki atas dakwaan bertentangan dengan dasar sekular negara telah memberi kesan kepada perselisihan dalam kalangan aktivis *Millî Görüş* di antara “kaum tua” atau kelompok veteran FP dan “kaum muda” atau kelompok reformis dalam meneruskan perjuangan politik berteraskan Islam. Kesannya, terbentuk dua parti baharu iaitu kelompok veteran yang dipimpin oleh Recai Kutan menyokong Erbakan menubuhkan *Saadet Partisi* (SP) manakala kelompok reformis yang dipimpin oleh Recep Tayyip Erdoğan dan Abdullah Gül menubuhkan *Adalet ve Kalkınma Partisi* (AKP).⁴⁵

Penulis menyimpulkan krisis perpecahan dalam kalangan umat Islam merupakan tema utama dalam kemunduran dunia Islam. Para reformis Islam abad ke-19 M seperti al-Afghani dan Namik Kemal termasuk Sultan Abdul Hamid II telah

⁴⁴ Nursi, Badiuzzaman Said, *Khutbah Syamiyah: Manifesto Kebangkitan Umat Islam*, terj., Fauzi Faisal Bahreisy, ed., Irwandi, (Banten: Risalah Nur Press, 2014), h. vii-viii.

⁴⁵ Muhammad Khalis Ibrahim & Mohd Roslan Mohd Nor, “Perkembangan Islamisasi di Turki Era Erdoğan (2002-2010): Pendekatan, Usaha dan Cabaran,” *Akademika*, Jil. 89, No. 1 (2019): 46.


berusaha memainkan peranan dalam dunia Islam dengan menawarkan Pan-Islamisme. Namun begitu, jalur al-Afghani dilihat lebih menonjol dan mendapat sambutan setelah perjuangannya diteruskan oleh Abduh dan Rashid Rida sehingga memberi kesan kepada pembentukan gerakan Islam dan islah seluruh dunia. Oleh kerana itu, penulis beranggapan kemunculan Pan-Islamisme ketika itu merupakan sebuah tawaran yang popular yang banyak menyumbang kepada perjuangan membangkitkan kesedaran umat Islam dalam politik dengan mengukuhkan perpaduan dan menentang penjajahan Barat.

Said Nursi pula merupakan seorang tokoh Islam yang berpengaruh di Turki pada abad ke-20 M. Pemikiran beliau yang dilihat seolah sering menjadi pertikaian oleh pihak pemerintah Uthmaniyah telah menjadi tumpuan masyarakat Islam ketika itu. Polemik tersebut berlaku apabila Said Nursi meletakkan politik sebagai sebuah pendekatan dalam lapangan dakwahnya. Kesan pengaruh daripada tokoh-tokoh Pan-Islamisme seperti Al-Afghani, Abduh, Namik Kemal dan lain-lain telah berjaya mempengaruhi Said Nursi untuk cuba melibatkan diri dalam gerakan politik seperti Turki Muda dan *Ittihad Muḥammad* yang masing-masing bertujuan menawarkan reformasi sistem pemerintahan Uthmaniyah. Oleh sebab itu, Said Nursi pada fasa yang digelarnya 'Said Lama' dilihat termasuk pihak yang menentang pemerintah Uthmaniyah yang dipimpin oleh khalifah Sultan Abdul Hamid II.

Namun, fasa yang digelarnya 'Said Baru' pula memperlihatkan tekadnya untuk meninggalkan politik setelah beranggapan politik bukan lagi sebuah pendekatan yang sesuai dengan lapangan dakwahnya. Pendekatan Said Nursi ketika itu ialah menumpukan penulisan terhadap *Risālah al-Nūr* yang memberi kesan kepada polemik hampir tiga dekad. Hal ini kerana pendekatan tersebut merupakan sesuatu yang

berbeza dengan kebanyakan reformis Islam lain dalam tawaran usaha menangani kemunduran umat yang cenderung kepada pendekatan politik. Walau bagaimanapun, Said Nursi berusaha menyakinkan masyarakat bahawa ideanya adalah sesuatu yang tepat dalam konteks dakwah di Turki ketika itu sehingga berjaya membentuk sebuah gerakan yang dikenali sebagai *Nur Movement*. Pada hemat penulis, Said Nursi sebagai tokoh Islam yang berpengaruh sudah pasti mempunyai idea pembaharuan dalam dakwah.

Atas justifikasi tersebut, penulis beranggapan adalah wajar untuk mengkaji pemikiran Said Nursi dan kaitan idea pembaharuannya dengan pengaruh Pan-Islamisme secara lebih mendalam berdasarkan *Risālah al-Nūr*. Harapannya, dengan kajian tersebut dapat para agamawan dan pendakwah mengambil manfaat untuk dijadikan sebagai pedoman dalam membina pemikiran dakwah yang lebih mantap. Bagi memahami secara mudah, rajah 1.1 di bawah merupakan ringkasan kepada pernyataan masalah kajian ini dengan menandakannya sebagai 'X'.



Rajah 1.1 Ringkasan pernyataan masalah kajian

1.3 Objektif Kajian

Berdasarkan latar belakang dan pernyataan masalah, objektif kajian ini dapat dinyatakan seperti berikut:

1. Mengkaji isu-isu dakwah dalam Pan-Islamisme.
2. Mengkaji idea Said Nursi dalam dakwah.
3. Menganalisis idea pembaharuan dalam dakwah Said Nursi dan kaitannya dengan pengaruh Pan-Islamisme.

1.4 Soalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian, soalan-soalan kajian adalah seperti berikut:

1. Apakah isu-isu dakwah dalam Pan-Islamisme?
2. Apakah idea Said Nursi dalam dakwah?
3. Bagaimanakah idea pembaharuan dalam dakwah Said Nursi dan kaitannya dengan pengaruh Pan-Islamisme?

1.5 Skop Kajian

Kajian yang dilakukan oleh penulis melibatkan kepada tiga perbahasan utama iaitu i) Pan-Islamisme dan isu-isunya, ii) pemikiran Said Nursi dalam dakwah dan iii) idea pembaharuan Said Nursi dan hubungannya dengan Pan-Islamisme. Kajian yang tertumpu kepada Pan-Islamisme kerana gagasan tersebut merupakan sebuah perjuangan yang popular pada abad ke-19 dan 20 M oleh para reformis Islam. Oleh itu, pemilihan tokoh-tokoh utama yang mendokong Pan-Islamisme merupakan skop kajian dalam mengkaji isu-isu yang timbul.

Selain itu, kajian ini juga hanya memfokuskan kepada kajian pemikiran Said Nursi dalam dakwah serta perkaitan di antara idea pembaharuan beliau dengan Pan-Islamisme. Faktor kaitan antara keduanya dapat dilihat dari aspek isu-isu yang timbul dalam Pan-Islamisme. Huraian pula hanya difokuskanhanya kepada karya utama beliau iaitu *Risālah al-Nūr*. Justeru, naskah yang diberi perhatian dalam kajian ini ialah empat jilid utamanya iaitu *al-Kalimāt*, *al-Maktūbāt*, *al-Lama'āt* dan *al-Shu'ā'āt* yang disokong dengan *Sīrah Zātiyyah* dan *Sīrah al-Badī' al-Zamān Sa'īd al-Nūrsī* dan lain-lain jilid yang terdapat dalam himpunan *Risālah al-Nūr*.

1.6 Kajian Literatur

Di dalam bidang penyelidikan, banyak kajian yang telah dijalankan yang berkait dengan pemikiran dakwah yang meliputi segala konsep ilmu dakwah. Begitu juga dengan kajian di dalam bidang sejarah turut terdapat kajian berkait dengan Said Nursi dan karyanya *Risālah al-Nūr*. Justeru, kajian-kajian lepas yang dikemukakan pada bahagian ini mengikut klasifikasi secara spesifik seperti berikut:

1.6.1 Kajian Tentang Dakwah

Perkataan “Dakwah” pula menurut Muḥammad Aḥmad al-Rāshīd dalam *al-Munṭalaq* ialah sebuah kata terbitan daripada kata kerja (*fi’il*) bahasa Arab iaitu د ع و yang berubah menjadi دعا (*da‘ā*) dengan maksud “kecenderungan sesuatu kepada seseorang kerana suara dan kata-kata yang keluar darinya” yang penggunaannya terdapat di dalam *al-Qur‘ān* [41:33] sebagai sebuah istilah islami dengan maksud seruan.⁴⁶

‘Abd al-Karīm Zaydan dalam *Usul al-Da‘wah* mendefinisikan dakwah sebagai panggilan ke jalan Allah iaitu Islam yang merupakan sebuah ajaran yang diturunkan kepada nabi Muḥammad S.A.W. Dalam konteks ini, beliau telah meletakkan Islam sebagai objek dakwah dan rasul sendiri sebagai unsur pertama dakwah. Dengan itu, beliau telah menggariskan terdapat empat elemen penting dalam dakwah iaitu pendakwah (*dā‘ī*), penerima dakwah (*mad‘ū*), metode (*uslūb*) dan medium (*wasīlah*).⁴⁷

⁴⁶ Ahmad Ar-Rashid, Muhammad, *Titik Tolak: Landasan Gerak Para Aktivis Dakwah*, terj., Abu Sa’id, A. (Jakarta: Robbani Press, 2005), h. 100-101.

⁴⁷ Zaidan, ‘Abdul Kareem, *Dasar-dasar Ilmu Da‘wah* (Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar, 1987), h. 1-2.